



1054 KAJIAN PENGURUSAN KORBAN DI AQIQAH NASIONAL ENTERPRISE

Uqbah Bin Amer, Ahmad Shahir Bin Masdan & Abi Syafiq Al-Hakim Bin Ab Jabar

uqbah@kuis.edu.my
shahir@kuis.edu.my
abisyafiq@kuis.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana mekanisma korban online yang ada di Aqiqah Nasional Enterprise serta kesesuaiannya dengan aturan dalam fiqh Islam. Metode penelitian menggunakan metode penelitian deskriptif kualitatif. Hasil penelitian ini menunjukkan mekanisma korban online melalui ANE bermula dari memesan, memilih, membayar, pengesahan kualiti dan kuantiti, penyaluran, hingga pembuktian (dokumentasi) dengan pembayaran yang dapat dilakukan secara langsung di kaunter dan secara tidak langsung di laman sesawang. Pelaksanaan ibadah korban di ANE menggunakan akad wakalah dan salam. Aplikasi korban tersebut sesuai dengan fiqh Islam kerana rukun dan syaratnya sempurna.

Kata kunci: *Korban Online, Aqiqah Nasional Enterprise*

1.0 Pendahuluan

Korban dan akikah merupakan isu yang penting dalam masyarakat Islam. Sebagai sebuah masyarakat Islam yang majoriti, pengurusan hal-hal berkaitan Islam penting bagi melancarkan kehidupan masyarakat Islam di Malaysia. Antara contoh institusi penting dalam Islam ialah Tabung Haji yang menguruskan hal-hal berkaitan haji dan Umrah. Manakala zakat pula diuruskan oleh Baitulmal negeri masing-masing. Oleh itu, sebagai satu inisiatif kepada masyarakat, ditubuhkan syarikat-syarikat perkhidmatan ibadah korban dan akikah dengan sistem yang terkini dan lebih sistematik.

Di Malaysia, inisiatif untuk menubuhkan syarikat perkhidmatan korban dan akikah ini semakin mendapat sambutan walaupun terdapat segelintir kecil masyarakat yang masih belum menerima sistem ini. Antara syarikat yang menguruskan ibadah korban dan akikah ialah Ez Qurban Sdn Bhd, Akikah Nasional Enterprise, Community We Love Korban, Al-Ameen Serve Holdings Sdn Bhd dan banyak lagi syarikat yang lain.

Realitinya, masyarakat Islam di Malaysia mempunyai banyak potensi yang masih belum digali dan dimanfaatkan secara maksimum. Antara potensi tersebut ialah kemampuan dari sudut kewangan. Jika diatur dengan baik dan sistematik, ibadah korban dan akikah yang dilaksanakan oleh masyarakat Malaysia boleh dimanfaatkan oleh penduduk-penduduk Islam yang lebih memerlukan di negara-negara lain.

Syarikat perkhidmatan korban dan akikah yang diuruskan dengan sistematik dapat membantu memudahkan urusan masyarakat dalam menjalani ibadah korban dan akikah. Disamping dapat membangunkan ekonomi masyarakat Islam itu sendiri. Daging korban dan akikah yang diagihkan dapat membantu golongan umat Islam yang miskin di negara-negara yang berhampiran. Umat Islam yang berkemampuan dapat menjalani ibadah korban dan



akikah, manakala yang kurang berkemampuan pula sama-sama dapat merasai nikmat daging segar melalui ibadah korban dan akikah yang dijalankan.

2.0 Permasalahan Kajian

Dewasa ini, masyarakat dilihat agak sibuk dan sukar untuk meluangkan masa serta tenaga yang lebih untuk ibadah korban dan akikah. Akibatnya, ramai yang tidak mengambil berat terhadap amalan korban dan akikah ini walaupun mereka berkemampuan. Kekangan masa terhadap kerja dan sebagainya menjadi alasan utama mereka.

Selain itu, ibadah korban dan akikah juga merupakan satu syiar yang utama dalam Islam. Syiar yang menunjukkan sifat keperihatinan dalam agama kita terhadap orang-orang susah dan tidak berkemampuan. Mereka golongan yang dipandang tinggi di sisi Allah s.w.t. kerana mereka diuji dan mereka bersabar dengannya. Oleh itu, memang selayaknya daging-daging korban dan akikah yang mulia ini diurus dengan cara yang betul dan teratur supaya dapat diagih kepada mereka dengan adil.

Antara kelemahan masyarakat kita ialah kurang bijak dalam menguruskan harta itu sendiri. Pendapatan bulanan yang diberi jika disimpan sebahagian kecil daripadanya dengan azam untuk melakukan ibadah korban atau akikah, pasti tidak menjadi halangan. Namun, kerana kurang kesedaran akan kepentingan ibadah korban dan akikah serta kekurangan ilmu dalam menguruskan harta menjadikan korban dan akikah itu satu amalan ini dianggap mahal. Pada pandangan mereka, orang yang benar-benar kaya sahaja perlu melakukan ibadah korban dan akikah.

Islam itu mudah tetapi tidak bermakna boleh dipermudahkan. Allah s.w.t. sendiri telah berfirman didalam al-Quran yang berbunyi :

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ

Maksudnya : *Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala (dari kebajikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya.*(al-Baqarah : 286)

Dan hadis Nabi s.a.w. :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ ، وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ ، فَسَدِّدُوا وَقَارِبُوا وَأَبْشِرُوا ، وَاسْتَعِينُوا بِالْعَدْوَةِ وَالرُّوْحَةِ وَشَيْءٍ مِنَ الدُّلْجَةِ .

Maksudnya : *Dari Abu Hurairah, bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya agama itu mudah. Tidaklah seseorang mempersulit (berlebih-lebihan) dalam agama melainkan ia akan dikalahkan. Oleh karena itu kerjakanlah dengan semestinya, atau mendekati semestinya dan bergembiralah (dengan pahala Allah) dan mohonlah pertolongan di waktu pagi, petang dan sebagian malam"* (Riwayat Bukhari)

Daripada dalil-dalil ini, dapat diketahui bahawa Allah telah menjadikan agama Islam itu sebagai rahmat buat seluruh manusia. Setiap aturan yang disusun ialah sebagai jalan kehidupan yang baik buat umat manusia seluruhnya.



3.0 Objektif Kajian

Beberapa objektif telah disusun dalam kajian ini iaitu :

- a. Menerangkan tentang ibadah korban dan akikah.
- b. Menjelaskan hukum-hakam dan pandangan ulama` dalam isu korban dan akikah semasa.
- c. Menerangkan tentang sistem pengurusan dan pentadbiran yang diterapkan dalam syarikat perkhidmatan korban dan akikah.

4.0 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan atas beberapa persoalan yang sering timbul dalam kalangan masyarakat iaitu :

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan ibadah korban dan akikah?
- b. Apakah hukum-hakam dan isu-isu semasa berkaitan ibadah korban dan akikah?
- c. Apakah sistem yang diterapkan dalam syarikat-syarikat perkhidmatan korban dan akikah?

5.0 Sorotan Literatur

- a. Reni Noviati (2017) dalam Jurnal Ekonomi Islam yang bertajuk ialah Praktik Kurban Online Dalam Perspektif Islam Tebar Hewan Kurban (THK) Di Dompot Dhuafa.

Jurnal ini menghuraikan tentang hukum akad yang diterapkan oleh syarikat kajiannya di Indonesia iaitu Tebar Hewan Kurban (THK) serta penjelasannya dari kitab-kitab yang masyhur bermula dari awal prosedur sehinggalah kepada prosedur yang terakhir. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesesuaian sistem korban online dengan perspektif Islam jika dilihat dari mekanisma, serta pihak-pihak yang terlibat dalam sistem tersebut menyebabkan adanya akad-akad muamalat dan akad-akad tersebut adalah akad wakalah dan bai` salam. Sistem THK yang ada di Dompot Dhuafa Republika telah sesuai dengan akad wakalah dan bai` salam, kerana dalam sistemnya THK sudah memenuhi rukun dan syarat akad wakalah dan bai` salam.

- b. Uqbah Bin Amer (2016) yang bertajuk Hukum-Hakam Dan Isu-Isu Dalam Ibadah Korban yang dibentangkan ketika Muzakarah Fiqh Kebangsaan 2016 di Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong, Shah Alam.

Prosiding ini menerangkan secara umum perihal ibadah korban dan isu yang berkaitan dengannya. Antara isu utama yang dibincangkan ialah pemindahan ibadah ketempat-tempat yang dikira sebagai lebih memerlukan dan lebih layak untuk menerima bantuan terutamanya negara-negara Islam yang tertindas dan miskin seperti Palestin, Kemboja dan Myanmar.

- c. Perbandingan Pelaksanaan Pembahagian Daging Korban di Pondok Gelang Mas, Tumpat Dan Pondok Sungai Durian, Kuala Krai, Kelantan oleh Norshidah Binti Yaacob (2011).

Jurnal ini menghuraikan tentang pola pembahagian daging yang telah disembelih, alasan pembahagian tersebut dan hukumnya disisi syara`. Jurnal ini menjadikan Pondok Gelang Mas, Tumpat dan Pondok Sungai Durian, Kuala Krai, Kelantan sebagai subjek kajian dan perbandingan. Kedua-dua subjek merupakan pusat ilmu yang terbesar di negeri Pantai Timur di Malaysia ini. Ibadah korban biasanya menjadi acara utama yang dianjurkan secara besar-besaran dan melibatkan penduduk tempatan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua pondok menggunakan sistem pengagihan daging yang sama iaitu sebahagian untuk orang yang berkorban manakala sebahagian lagi untuk orang-orang yang berhak.



6.0 Pengertian Korban

Dari sudut bahasa, sebahagian ulama` mengatakan asal perkataan itu ialah daripada waktu dhuha kerana bermulanya penyembelihan ialah pada waktu dhuha. Manakala Ibrahim al-Baijuri (2010) berpendapat dengan pendapat yang lebih masyhur jika di letakkan baris depan pada huruf hamzah pada perkataan `udhīyyah maka ia membawa maksud binatang sembelihan dari jenis ternakan (*al-'An'am*) yang bermaksud binatang ternakan yang disembelih pada Hari Raya Aidil Adha.

Kamus Dewan (2007) menyebutkan bahawa perkataan korban itu sendiri membawa maksud pendekatan dan korban juga bermaksud amalan menghampirkan diri kepada Allah s.w.t. dengan menyembelih binatang ternakan seperti lembu, kambing, kerbau dan lain-lain pada 10 Zulhijjah atau tiga hari selepasnya iaitu hari tasyrik dengan mengagihkan sebahagian daripada daging itu kepada fakir miskin. Dalam bahasa Arab, ibadah korban itu lebih masyhur dengan perkataan `udhīyyah yang membawa maksud pengorbanan.

Dari sudut istilah pula, Syeikh Mustafa Dip al-Bugha (2009) dalam kitabnya *Fiqh al-Manhājī* menyebutkan bahawa korban ialah sembelihan binatang iaitu unta, lembu, kambing, dan biri-biri dengan tujuan untuk mendampirkan diri kepada Allah s.w.t. dan dilakukan pada Hari Raya Aidil Adha. Begitu juga bagi Syeikh al-Khatib al-Sharbini (2012) dalam kitab *al-Iqna`* mengatakan bahawa dinamakan `udhīyyah bersempena dengan waktu dhuha. Diletakkan baris depan pada hamzah, baris bawah pada huruf ha` dan baris atas bersabdu pada huruf ya` (*udhhiyyah*) yang membawa maksud haiwan ternakan (*al-an'am*) yang disembelih kerana mendekati diri kepada Allah s.w.t. bermula dari 10 Zulhijjah hingga akhir hari *tasyrik*.

7.0 Dalil Pensyariatan

Dalil pensyariatan ibadah korban adalah berasaskan kepada al-Quran merujuk kepada surah al-Kauthār (108) 2 :

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحِرْ (2)

Maksudnya : *Oleh itu kerjakanlah solat kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban (sebagai syukur).*

Manakala diterangkan juga dalam Surah Al-Hajj ayat 36 bahawa Allah s.w.t. berfirman :

وَالَّذِينَ جَعَلْنَاهَا لَكُمْ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ لَكُمْ فِيهَا خَيْرٌ فَادْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا صَوَافَّ فَإِذَا وَجَبَتْ جُنُوبُهَا فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِعُوا
الْقَائِعَ وَالْمَعْتَرَّ كَذَلِكَ سَخَّرْنَاهَا لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ (36)

Maksudnya : “Dan telah kami jadikan unta-unta itu (sebagai salah satu syi`ar) daripada syi`ar Allah. kamu peroleh kebikan yang banyak daripadanya, maka sebutlah olehmu nama Allah ketika kamu menyembelihnya dalam keadaan berdiri(dan telah terikat), kemudian apabila telah roboh (mati), maka makanlah padanya dan beri makanlah pada orang yang rela dengan apa yang ada padanya (yang tidak meminta) dan orang yang meminta, demikianlah kami telah menundukkn unta-unta itu kepada kamu, mudah-mudahan kamu bersyukur”.

Manakala dalil pensyariatan berasaskan hadith antaranya ialah daripada Aisyah r.a. katanya, sabda Rasulullah S.A.W :



عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " مَا عَمَلٍ أَدْمِيٍّ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ إِنَّهَا لَأَتَايِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَشْعَارِهَا وَأَظْلَافِهَا وَإِنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنَ اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ مِنَ الْأَرْضِ فَطَيَّبُوا بِهَا نَفْسًا " . قَالَ وَفِي الْبَابِ عَنْ عُمَرَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ حُصَيْنٍ وَزَيْدِ بْنِ أَرْقَمٍ . قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ لَا نَعْرِفُهُ مِنْ حَدِيثِ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ إِلَّا مِنْ هَذَا الْوَجْهِ . وَأَبُو الْمُتَنَّى اسْمُهُ سُلَيْمَانُ بْنُ يَزِيدَ . رَوَى عَنْهُ ابْنُ أَبِي فُدَيْكٍ . - قَالَ أَبُو عِيسَى وَيُرْوَى عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ " فِي الْأَضْحِيَّةِ لِصَاحِبِهَا بِكُلِّ شَعْرَةٍ حَسَنَةٌ " . وَيُرْوَى " بِقُرُونِهَا " .

Maksudnya : *Daripada Aisyah r.anha, bahawa sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda bahawa "tidak ada satu amalan anak Adam di hari-hari Nahar (Hari-hari Aidil Adha) yang paling Allah sukai selain daripada menumpahkan darah (sembelih binatang korban), kerana ia (binatang korban) itu akan datang di hari kiamat nanti dengan tanduk manakala kukunya dan bulu-bulunya (sebagai saksi ke atas ibadah korban tuannya), dan sesungguhnya darah (binatang korban itu) akan tumpah di sisi Allah s.w.t. di suatu tempat sebelum tumpah ke bumi, oleh itu pilihlah olehmu binatang terbaik (paling menarik) untuk dikorbankan." (Hadith riwayat at-Tirmīzī)*

Melalui dalil-dalil yang disebutkan, ini menunjukkan bahawa Islam amat menitikberatkan umat yang mampu untuk berkorban. Sesuai dengan konsep yang diterapkan di dalam Islam iaitu segala harta yang kita dapat hanyalah pinjaman dari Allah s.w.t.. Harta yang kekal hanyalah harta yang kita korbankan di jalan Allah s.w.t. dan antaranya ialah melalui ibadah korban.

8.0 Hukum Penyembelihan Korban

Menurut pandangan jumhur ulama, hukum melaksanakan ibadah korban adalah sunat *muakkad* bagi individu yang berkemampuan. (Ibrahim al-Baijuri,2010). Ibrahim (2010) juga berpandangan bahawa adalah sunat *muakkad* bagi setiap orang sekali dalam seumur hidup . Menurut pandangan yang masyhur dalam kalangan ulama Mazhab Maliki adalah makruh meninggalkannya bagi mereka yang mampu. Manakala bagi mereka yang berniat untuk melakukan korban nazar, maka hukum melaksanakannya adalah wajib.

Antara ulama yang berpendapat bahawa ibadah ini wajib ialah Imam Abu Hanifah dan beberapa pengikutnya. Beliau berpendapat bahawa ibadah korban ini wajib sekali setiap tahun ke atas orang yang bermukim (Prof Madya Dr. Azman bin Mohd Noor, Mohamad Fadzli bin Shamsuddin, 2012). Pendapat mereka adalah bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ " مَنْ كَانَ لَهُ سَعَةٌ وَلَمْ يُصَحِّحْ فَلَا يَقْرَبَنَّ مُصَلًّا " .

Maksudnya : *"Barangsiapa yang diberikan kemudahan, sehingga memampukan dia untuk berkorban, akan tetapi dia tidak mahu berkorban, maka janganlah dia mendekati tempat solat kami (masjid)"*. (Hadis riwayat Ibnu Majah)

Namun, Abu Yusuf dan Muhammad dari Mazhab Hanafi mengatakan ibadah korban tidak wajib tetapi sunat *muakkad* (Wahbah al-Zūhailī, 1989).

9.0 Konsep Pengurusan Dalam Islam

Kamus Dewan (Kamus Dewan Edisi Keempat) mendefinisikan organisasi ialah susunan yang terdiri daripada bahagian-bahagian orang dalam sesuatu pertubuhan untuk tujuan-tujuan tertentu demi kepentingan bersama.



Dalam al-Quran, Allah s.w.t. berfirman bahawa terdapat beberapa ayat suci Al-Quran yang mengutarakan tentang istilah pengurusan atau pentadbiran ini secara umum melalui lafaz “yudabbiru”. Antaranya ialah di dalam Surah ar-Ra'd, ayat ke-2 :

اللَّهُ الَّذِي رَفَعَ السَّمَوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ ۗ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ ۗ كُلٌّ يَجْرِي لِأَجَلٍ مُّسَمًّى ۗ يُدَبِّرُ الْأَمْرَ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ بِلِقَاءِ رَبِّكُمْ تُوقِنُونَ (2)

Maksudnya : “Allah jualah yang menjadikan langit terangkat tinggi dengan tiada bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya, kemudian Ia bersemayam di atas Arasy; dan Ia memudahkan matahari dan bulan (untuk faedah makhluk-makhlukNya) tiap-tiap satu dari keduanya beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Allah jualah yang mentadbirkan segala urusan; Ia menerangkan tanda-tanda kekuasaanNya satu-persatu, supaya kamu yakin kepada pertemuan Tuhan kamu (untuk menerima balasan).”.

Kesemua istilah tersebut menunjukkan betapa agama Islam amat menitikberatkan amalan yang bersistem dengan syarat diurus sebaik mungkin demi sebuah kesempurnaan. Dalam sejarah Nabi Muhammad s.a.w. sendiri terdapat banyak peristiwa dan kisah yang membuktikan bahawa Islam itu amat mementingkan aspek pengurusan dalam kehidupan. Sememangnya setiap nabi itu dianugerahkan dengan sifat *fathanah* yang bermaksud bijaksana. Bijaksananya Nabi s.a.w. itu dapat ditelusuri dalam pelbagai peristiwa yang penting seperti hijrah, *ghazwah* (peperangan yang Nabi s.a.w. sertai), strategi dakwah, perjanjian *hudaibiyah* dan banyak lagi.

10.0 Aqiqah Nasional Enterprise

Syarikat Kijang Kota Trading di tubuhkan dengan rasminya pada tahun 1991 oleh Sdr Mohd Salamon Bin Mansot. Pejabat urusan pada ketika itu adalah di No 66, Kg Berembang, Batu 3.5, Jalan Ampang 45000 Kuala Lumpur (kini Berembang Indah) dengan modal permulaan sebanyak RM30,000.00.

Perniagaan asas yang diceburi ketika itu adalah Perkhidmatan Mencuci Bangunan dan lain-lain perniagaan sampingan seperti perkhidmatan pengangkutan dan percetakan. Hari ini kesemua perniagaan tersebut telah di serahkan kepada usahawan lain dan Kijang Kota Trading menumpukan sepenuhnya dalam bidang pertanian dan ternakan.

Manakala Aqiqah Nasional Enterprise ini bermula pada tahun 2006 dengan berkonsepkan belaa kambing dan jual. Penbahagian perniagaan dibahagi kepada tiga iaitu produksi (production), perdagangan (trading) dan perkhidmatan. Setelah beberapa bulan berlalu, bahagian produksi tidak memberikan impak yang positif kepada syarikat kerana masalah yang rumit dalam pembelan binatang baik dari segi kewangan mahupun peruntukan masa yang terlalu lama.

Oleh itu pada awal Januari 2007, Aqiqah Nasional Enterprise tidak membela kambing dari kecil. Tetapi hanya membawa masuk kambing dan lembu yang sudah matang dan sedia untuk dikorbankan secara berkala. Sejak dari itu, perniagaan Aqiqah Nasional Enterprise lebih tertumpu kepada perkhidmatan akikah dan korban sahaja. Bermula dari 4 ke 5 ekor sebulan, purata akikah pada hari ini telah naik sehingga 4-5 ekor setiap hari.

Selain itu, saingan yang kuat daripada syarikat-syarikat lain di dalam industri yang sama memaksa syarikat untuk turut sama maju dalam menggunakan teknologi masa kini iaitu internet sebagai salah satu medium pemasaran dan jual beli. Dengan itu, terhasil sistem tempahan laman web yang ada sekarnag. Sistem telah berjaya meluaskan lagi pasaran Aqiqah



Nasional Enterprise ke pasaran dunia. Negara luar yang turut membuat tempahan korban dan akikah Aqiqah Nasional Enterprise ialah Jepun, Jerman, Brunei, Singapura, Sri Lanka, Brazil, Great Britain, Sepanyol, Filipina, Mexico, Indonesia, Denmark, India, Canada, Australia, Korea, United States of Amerika, China, Rusia, Italy dan Portugal.

11.0 Kaedah Perniagaan ANE

ANE merupakan syarikat yang mengaplikasikan kaedah yang lebih traditional berbanding EZQ. Ini memberi kelebihan kepada ANE untuk menguruskan ibadah korban dan akikah bagi pelanggan yang ingin menyembelih sendiri binatang korbannya. Bersesuaian dengan tuntutan sunnah Nabi SAW dalam ibadah korban dan akikah. Kaedah dan proses tempahan yang mudah dan mesra pelanggan menarik minat ramai orang tanpa dari dalam dan luar negara. Dalam bab ini akan membincangkan dengan lebih mendalam tentang hal-hal tersebut.

- a. **Tempahan** : ANE secara umumnya tidak menghadkan cara untuk untuk membuat tempahan untuk berkorban. Ini kerana pelanggan ANE mencakupi pelbagai jenis umur dan usia. Oleh itu, ANE akan membuka segala ruang atau jalan yang ada kepada pelanggan yang berhasrat untuk menunaikan ibadah korban. Kakitangan ANE akan usaha untuk menyempurnakan hasrat tersebut sehinggalah ianya tercapai walau dengan apa cara sekali pun. Beberapa kaedah dan cara yang disediakan oleh ANE kepada para pelanggan untuk membuat tempahan ialah melalui kaunter hadapan di pejabat ANE (*walk-in*), secara dalam talian, telefon/whatsapp atau faks.
- b. **Kaedah Pembayaran** : Syarikat menyediakan beberapa mekanisma untuk membuat pembayaran. Pertama sekali ialah perpindahan wang secara online ke dalam dua akaun bank syarikat melalui dua jenis bank iaitu Agro bank dan Cimb Bank. Pelanggan hanya perlu cetak bukti pembayaran dan hantarkannya ke alamat email syarikat iaitu akikahnasional@gmail.com. Selain itu, pelanggan boleh menghantar bukti pembayaran melalui sms seperti yang ditunjukkan didalam laman web syarikat. Pelanggan juga boleh mengisi data di dalam ruang pembayaran yang disediakan di laman web syarikat. Akhir sekali ialah dengan menghantar bukti pembayaran menerusi aplikasi *whats app* kepada pengurus atau ahli syarikat sendiri.
- c. **Bukti Penerimaan Tempahan** : Sebagai sebuah syarikat yang berintegriti, segala pembayaran oleh pelanggan mestilah disertakan dengan bukti pembayaran. Setelah pembayaran daripada pelanggan itu disahkan, maka Akikah Nasional Ent. akan hantar kepada setiap pelanggan nombor tempahan masing-masing. Nombor ini berfungsi untuk melihat status korban dan akikah yang telah ditempah melalui dilaman web ANE. Nombor ini juga menjadi rujukan pelanggan dan kakitangan ANE jika ada apa-apa perkara yang berbangkit yang timbul sepanjang proses korban dan akikah dijalankan.
- d. **Keputusan dan Pembuktian Korban** : Setelah selesai segala proses. Maka proses yang terakhir ialah proses keputusan dan pembuktian korban pelanggan tersebut. Keputusan atau status korban pelanggan tersebut boleh disemak dilaman web Akikah Nasional Ent. atau dengan menghubungi ahli Akikah Nasional Ent. sendiri. Status yang diberitahu sama ada masih menanti atau sudah selesai. Apabila status itu sudah selesai, maka sijil penyertaan akan dihantar kepada pelanggan bersama dengan no penyertaan.



- e. **Penyembelihan dan Pemantauan** : Pemantauan akan dilakukan oleh pengurus ANE, Haji Salamon sendiri setiap kali program korban dan akikah dilaksanakan dikandang. Namun, penyembelihan yang dilakukan diluar kandang adalah bebas mengikut kehendak pelanggan tersebut. Syarikat hanya akan menghantar lembu yang telah tempah ke tempat-tempat tersebut dan menyerahkannya kepada pelanggan. Sistem ini dinamakan oleh ANE sebagai kaedah penghantaran secara hidup bagi mereka yang ingin melakukan gotong-royong penyembelihan sesama sendiri. Pemhantaran dilakukan sama ada ke masjid, surau, madrasah atau kerumah pelanggan itu sendiri. Manakala, korban yang dilakukan dikandang pula kaedah sembelih dikandang. Setiap pekerja ANE akan melakukan penyembelihan mengikut kumpulan yang telah ditetapkan bagi memudahkan urusan peneymbelihan terutamanya penyembelihan daging korban kerana jumlah yang banyak yang perlu diuruskan dalam masa yang singkat iaitu hanya 4 hari. Kebiasaanya, para pekerja akan berkampung 4 hari dikandang pada setiap kali Hari Raya Aidil Adha kerana menguruskan tempahan pelanggan yang begitu banyak.
- f. **Pengagihan Daging** : Pengagihan daging dilakukan dengan cara yang cukup mudah dan ringkas. ANE sudah menyenaraikan terlebih dahulu nama institusi, madrasah, masjid atau surau yang sesuai untuk dihantar daging kesana. Setelah senarai tersebut ditulis, setiap kali penyembelihan, daging itu akan dihantar ke tempat-tempat tersebut mengikut pusingan giliran masing-masing. Sistem tersebut akan diulang setiap kali penyembelihan korban mahupun akikah

12.0 Kaedah Muamalat Dalam ANE Dari Sudut Fiqh Muamalat

Setelah diteliti melalui temubual dan sedikit pembacaan, terdapat beberapa bahagian dalam *fiqh muamalat* yang terdapat dalam urusan jual beli di EZQ yang dijadikan sandaran dalam melaksanakan jual beli agar proses yang berlaku bertepatan dengan kaedah Islam yang sah dan terkini.

a. Jual Beli Bertanggung (*Bai` al-Salam*)

Jenis jual beli yang digunakan dalam EZQ ini ialah berupa jual beli bertanggung (*bai salam*). Menurut Dr. Mustafa al- Bugha dan 'Ali al-Syarbaji (2009), *bai al-Salam* ialah menjual sesuatu yang dinyatakan sifat-sifatnya dalam tanggungan dengan lafaz *al-Salam* atau *al-Salaf*. Di dalam *al-Fiqh 'ala Mazahib al-'Arba'ah* menyatakan *al-Salam* ialah bahasa penduduk di tanah *Hijjaz*, manakala *al-Salaf* ialah bahasa penduduk Iraq. Sayyid Sabiq (2002) di dalam bukunya *Fiqh al-Sunnah* menyebut *al-Salam* dinamakan juga sebagai *al-Salaf*. Ianya penjualan sesuatu dengan dinyatakan sifat-sifatnya dalam tanggungan dengan bayaran segera.

Maka *Bai' al-Salam* adalah jual beli secara tempahan, dimana pembeli menempah barang dan melunaskan harganya. Manakala penjual menerima bayaran dan barangan yang ditempah akan diserahkan kepada pembeli dalam suatu tempoh tertentu (Mohamad Abdul Kadir Bin Sahak, 2009). Di dalam al-Quran terkandung ayat berhubung dengan penghutang, iaitulah di dalam surah al-Baqarah ayat 282, Allah SWT berfirman :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدِينٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ ۚ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ



Maksudnya : “*Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu*”

Al-Imam Ibn Kathir (1419) di dalam *Tafsir al-Quran al-'Azim* menyebut satu riwayat dari Ibn 'Abbas r.a. dimana ketika beliau menafsirkan ayat ini, Ibn 'Abbas r.a. berkata : “Aku bersaksi bahawa al-*Salam* yang terjamin untuk suatu tempoh yang tertentu telah dihalalkan oleh Allah SWT dan telah diizinkan padanya, kemudian beliau membaca (ayat di atas).”

Ayat ini dijadikan dalil bolehnya jual beli salam menurut syara' kerana ia termasuk dari jenis hutang. Ayat tersebut menerima dan membenarkan hutang, dengan itu jual beli salam juga dibenarkan (Syeikh Mustāfā Dīb al-Būghā, 2009). Ibn 'Abbas r.a. meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad saw setelah tiba di Madinah, dalam keadaan penduduk Madinah mengamalkan tempahan terhadap buah untuk tempoh setahun, dua tahun atau tiga tahun. Lalu Baginda saw bersabda :

مَنْ أَسْلَفَ فِي شَيْءٍ فَلْيُؤَسِّلْ فِي كَيْلٍ مَعْلُومٍ. وَوَزْنٍ مَعْلُومٍ إِلَى أَجَلٍ مَعْلُومٍ

Maksudnya : “*Sesiapa yang menjual beli sesuatu (secara) salaf (salam), hendaklah dia lakukan jual beli salaf (salam) dengan sukatan yang termaklum dan timbangan yang termaklum bagi tempoh yang juga termaklum.*” (Hadith riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Dalam kaedah al-*Salam* dikenakan beberapa syarat. Antaranya berkaitan dengan harga tempahan atau bayaran (رأس المال), yang lainnya berkaitan dengan barang yang dijual dengan al-*Salam* (المسلم فيه). Ulama empat Mazhab telah sepakat bahawa Bai' al-*Salam* ini sah dengan enam syarat (Mohamad Abdul Kadir Bin Sahak, 2009), iaitu :

- i. Hendaklah ia diketahui jenisnya.
- ii. Hendaklah diketahui sifatnya.
- iii. Hendaklah diketahui jumlahnya.
- iv. Tempoh penyerahan ditentukan.
- v. Mengetahui kadar nilai harganya.
- vi. Hendaklah tempat penyerahannya dimaklumi jika membawa barang tempahan ke sana memerlukan perbelanjaan.

b. Akad Wakalah

Wakalah atau *Wikalah* adalah perwakilan. Menurut bahasa, ertinya *at-Tafwidh* yang bermaksud penyerahan, pendelegasian dan pemberian mandat, manakala *al-Hifzhu* bermaksud pemeliharaan (Wahbah al-Zūhaylī, 1989).

Erti *wakalah* menurut istilah syari'ah berbeza dalam kalangan ulama'. Ringkasnya, *wakalah* adalah pemberian kekuasaan oleh seseorang kepada orang lain untuk mengerjakan hal-hal yang diwakilkan, dan perwakilan berlaku selama yang mewakilkan masih hidup (Helmi Karim, 2002). Menurut Sayyid Sabiq (2002), *wakalah* adalah pemberian kekuasaan oleh seseorang kepada orang lain dalam hal-hal yang boleh diwakilkan.

Wakalah hukumnya harus. Namun hukum itu berubah mengikut perkara yang diwakilkan. Jika yang diwakilkan adalah perkara yang haram, maka *wakalah* dalam hal ini



juga menjadi haram. Begitu juga dalam permasalahan sunnah, makruh, atau wajib (Syeikh Mustāfā Dīb al-Bughā, 2009).

Keharusan akad *wakalah* ini berdasarkan al-Quran, as-Sunnah, dan Ijma' Ulama. Dalam al-Quran, isyarat yang menunjukkan kebolehan melakukan akad *wakalah*, termaktub dalam firman Allah SWT :

فَابِعْتُوا أَحَدَكُمْ بَورِقِكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلْيَنْظُرْ أَيُّهَا أَزْكَى طَعَامًا فَلْيَأْتِكُمْ بِرِزْقٍ مِنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا (19)
Maksudnya : “Maka suruhlah salah seorang di antara kamu untuk pergi ke kota dengan membawa uang perakmu ini” (Al-Kahfi ayat 19)

Imam Al-Qurtubi (1964) berkata ; “Pengutusan salah seorang dari mereka dengan membawa wang menunjukkan sahnya akad *wakalah*. Ali bin Abi Thalib pernah mewakilkan kepada saudaranya Aqil akan sebuah urusan dengan Utsman bin Affan.” Dalam hadits disebutkan riwayat Jabir bin Abdillah tentang *wakalah* :

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: أَرَدْتُ الْخُرُوجَ إِلَى خَيْبَرَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((إِذَا أَتَيْتَ وَكَيْلِي فَخُذْ مِنْهُ خَمْسَةَ عَشَرَ وَسَقًا، فَإِنْ ابْتَعَى مِنْكَ آيَةً، فَضَعْ يَدَكَ عَلَى تَرَفُوتِهِ))

Maksudnya : Dari Jabir bin Abdillah ia berkata, “Aku hendak pergi menuju Khaibar, kemudian Rasulullah SAW berkata, ‘Apabila engkau menemui wakilku, maka ambillah darinya 15 wasaq, apabila ia meminta bukti darimu, letakkanlah tanganmu di tulang selangkanya.”(Hadith Riwayat Abu Daud)

Imam Asy-Syaukani(1993) menyebutkan bahawa hadis ini menjadi dalil sahnya *wakalah* dan seorang ketua boleh mewakilkan urusan zakat baik memungut mahupun menyerahkan kepada yang berhak. Transaksi *wakalah* terdiri dari empat rukun iaitu *muwakkil*, *wakil*, *muwakkal fih*, dan *shighah*.

Pertama, *muwakkil* ia adalah pihak yang melimpahkan urusan kepada orang lain untuk melakukannya sebagai pengganti dirinya (Syeikh Mustāfā Dīb al-Bughā, 2009). Secara umum disyaratkan bagi *muwakkil* adalah orang yang memiliki kerelaan terhadap urusan yang diwakilkan karena sebagai pemilik ataupun ataupun faktor kuasa (*wilayah*)(Yusuf Asy-Syubaily, 1424).

Kedua ialah *wakil*. Dia adalah pihak yang mengambil alih urusan orang lain. Secara umum syarat wakil adalah orang yang sah melakukan urusan yang diamanahkan, atas nama dirinya sendiri. Kemudian syarat objek (*muwakkal fih*) ialah (Wahbah Az-Zuhaili, 1989) :

- i. Bukan perkara yang *mubah*, seperti mencari kayu bakar.
- ii. Berada di bawah kuasa *muwakkil*, baik itu berupa barang maupun hak.
- iii. Perkara yang diwakilkan sah untuk dilimpahkan kepada orang lain secara syar'i.
- iv. Bukan perwakilan untuk berhutang, jika terjadi maka *wakil* yang akan bertindak sebagai orang yang berhutang.

Selanjutnya ialah *sighah*. *Sighah* meliputi *ijab* dan *qabul* yang menunjukkan kepada tanda kerediaan. Berlakunya persetujuan dari pihak *wakil* dan *muwakkil* dari segi kata, tandatangan atau apa-apa perbuatan yang sesuai dengannya.



13.0 Penutup

Berdasarkan kajian yang dilakukan, dapat disimpulkan bahawa urus niaga dan jual beli atas talian yang dijalankan oleh ANE adalah sesuai dan bertepatan dengan kaedah jual beli kontemporari yang telah digariskan oleh ulama terkemuka zaman ini. ANE menerapkan sistem jual beli *Bai` al-Salam* dan kaedah *Wakalah* yang sempurna dalam proses urus niaga mereka sesuai dengan aturan yang telah disusun oleh ulama bagi mengelakkan sebarang kezaliman dan ketidakadilan terhadap kedua-dua belah pihak. ANE merupakan sebuah syarikat besar yang berpengaruh dalam industri korban dan akikah. Jika syarikat ini berjaya menguruskan organisasi dengan baik dan telus, maka syarikat ini pasti akan dapat dikembangkan dan akan menjadi tunggak dalam industri perternakan dan penyediaan perkhidmatan korban dan akikah ini.

Rujukan

- Abdullah Basmeih. (1995). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qura* . Cetakan 6. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Al-Baijūrī, Burhanuddin Ibrahim bin Muhammad bin Ahmad. 2010. *Hasyiah al-Syeikh Ibrahim Al-Baijuri*. Jilid ke-4. Kaherah: Maktabah al-Syurq al-Dawliyyah.
- Al-Bughā, Syeikh Mustāfā Dīb. 2009. *Terjemahan Al-Fiqh Al-Manhaji `Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafie*. (cetakan ke-5). Negeri Sembilan, Malaysia.
- Al-Khātīb, Muhammad ibn Muhammad al-Sharbīnī. 1995. *al-`Iqna' fī Hallī `Alfaz `Abī Shuja'*. Damasyik: Dar al-Fikr.
- Al-Khātīb, Muhammad ibn Muhammad al-Sharbīnī. 1995. *Mughni Muhtaj*. Beirut: Darul Kutub al-`Alamiyyah.
- Al-Zūhaylī, Wahbah Bin Musthafa. 1989. *al-Fiqh al-Islāmī wā Adillatuh*. Damasyik: Dar al-Fikr.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2007. *Kamus Dewan*. Edisi Ke-4. Hulu Kelang: DBP Publications.
- Al-Syaukani, Muhammad bin Ali bin Muhammad bin Abdullah. 1993. *Nail al-Authar* . Mesir: Dar al-Hadits.
- Al-Qurthubi, Abu 'Abdullah Muhammad ibn Ahmad. 1964 M . *Al-Jami' Li Ahkam Al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Mishriyah.
- Helmi Karim. 2002. *Fiqh Muamalah* . Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Al-Tihami, Sayyid Sabiq. 2002. *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Al-Maktabah al-`Asyriah.
- Ibnu Kathir, Ismail bin Umar. 1419. *Tafsir al-Quran al-`Azim*. Beirut: Daril Kutub al-`Alamiyyah.